

Waris Allahyarham Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Rakam Penghargaan kepada UPSI

Tanjong Malim, 7 November - Anak dan cucu Allahyarham Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin hadir ke Majlis Perasmian Pesta Buku UPSI Ke-19 dan Peluncuran Buku Biografi Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin pada 7 November sebagai mewakili waris mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Allahyarham Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Anak dan cucu Allahyarham Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid, Wan Shazerina Izlin dan Mas Nurin Nasuha Mas Fazulah Bohairi merupakan dua waris yang dapat hadir ke sesi majlis yang berlangsung di Dewan SITC. Menurut Wan Shazerina, beliau mewakili ibunya, Puan Sri Rosmini Dato' Shaari yang tidak dapat hadir kerana menghadiri program lain pada masa sama.

"Kami sekeluarga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada UPSI kerana menerbitkan biografi ini. Terima kasih kerana menganjurkan majlis ini yang berjalan dengan lancar, Best sangat sangat," kata Wan Shazerina.

Menurut Wan Shazerina, Allahyarham Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid pernah memintanya untuk menulis biografi yang disekalikan dengan biografi tulisan individu lain. Namun demikian, karya ini hanya tersimpan dalam dokumentasi penulisan keluarganya.

Beliau juga merakamkan ucapan tahniah kepada barisan penulis di atas penerbitan buku biografi. Wan Shazerina turut berbesar hati menerima dua

naskah buku biografi sebagai tanda kenang-kenangan daripada Pejabat Karang Mengarang.

Terdahulu dalam ucapan aluannya Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr Md Amin Md Taff memaklumkan kepada tetamu mengenai kehadiran kedua waris Allahyarham Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid.

"Tidak dilupakan kepada waris Allahyarham Tan Sri. Mohon berdiri. Terima kasih kerana hadir Tan Sri Wan Zahid adalah salah seorang tokoh pendidikan yang tak asing dan juga banyak menyumbang kepada negara Malaysia tercinta," kata Profesor Dato' Dr Md Amin.

Majlis Perasmian Pesta Buku UPSI Ke-19 dan Peluncuran Buku Biografi Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Kluster Dasar, Kualiti dan Penghasilan, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang mewakili Menteri Pendidikan Malaysia, Norhayati Ab Wahab.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Anugerah Akademik Bitara Beri Pengiktirafan kepada Warga UPSI

Tanjong Malim, 6 November - Majlis Anugerah Akademik Bitara (AKIRA) 2023, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang diadakan hari ini dianjurkan bagi memberi pengiktirafan tertinggi kepada warga UPSI yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pengiktirafan ini adalah mercu tanda UPSI dalam melonjakkan potensi ahli akademik UPSI ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa, termasuk Anugerah Akademik Negara. Jelasnya, sebanyak 40 anugerah dipertandingkan dan pada kali ini, 50 penerima anugerah dinobatkan pada majlis yang diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI. "Penghargaan setelusny kepada para pensyarah dan

kakitangan akademik yang telah menjadi pendorong utama dalam mengangkat martabat pendidikan tinggi, mendidik anak bangsa dengan keilmuan dan nilai-nilai murni.

"Sambutan Hari Akademia ini menjadi peluang terbaik untuk kita menghargai dan mengiktiraf peranan penting warga akademik dalam membina generasi masa depan yang berjaya, berwibawa dan bertanggungjawab. Dalam majlis yang sama turut diadakan peluncuran tiga sistem utama dalam pemantapan kawal selia dan pemantauan di UPSI sempena bulan integriti iaitu Sistem MyADIA (Audit Division Index Accountability), Sistem Pengurusan Aduan Integriti (i-Care) dan Project Monitoring System (PMS). Menurut Profesor Datuk Dr. Md Amin, sistem MyADIA adalah platform interaktif yang memperkukuhkan

pengauditan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA), menghubungkan Pusat Tanggungjawab (PTj) dengan juruaudit secara maya.

"Melalui platform ini, kita bukan hanya meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan, tetapi memastikan UPSI sentiasa berada di barisan hadapan dalam menjalankan operasi secara telus dan beretika. Tambah beliau, Sistem Pengurusan Aduan Integriti (i-Care) pula adalah wadah bagi warga UPSI dan masyarakat untuk melaporkan kesalahan seperti rasuah dan penyelewangan yang memainkan peranan dalam memastikan keluhuran dan integriti di UPSI terus dipelihara. "bukan sahaja tanda pengiktirafan, tetapi juga pencetus semangat kepada semua warga akademik untuk terus melakar kejayaan di masa hadapan.



Kits Unjuran Geometri Pelan Realiti Terimbuh (ARVPP-Geo) Ciptaan Penyelidik UPSI Mudahkan Murid Pelajari Objek 3D

Pelan dan dongakan adalah topik dalam geometri untuk matematik tingkatan tiga. Fokus kajian ini adalah pada standard pembelajaran yang melihat pelbagai sudut pelan dan dongakan bagi sesuatu objek dan melukis dengan mudah objek tersebut. Pelajar perlu melukis tiga imej dua dimensi (2D) pada empat kuadran: pandangan atas (pelan), pandangan hadapan dan pandangan sisi. Kemudian, mereka perlu membina imej dalam minda mereka tentang bentuk tiga dimensi (3D) objek tersebut.

Pelajar yang lemah, gagal melukis objek kerana mereka menghadapi kesukaran

untuk mengubah imej 2D kepada objek 3D.

Guru-guru pula menghadapi masalah kerana mereka tidak mempunyai alat bantu mengajar yang sesuai. Justeru, penyelidik UPSI memperkenalkan satu strategi pembelajaran yang dipanggil Kits Unjuran Geometri Pelan Realiti Terimbuh (ARVPP-Geo). Ia terdiri daripada dua kategori alat bantu mengajar: bukan digital (kertas A4 dan blok akrilik 3D Perspex), dan digital (video, perisian 3D, serta aplikasi AR). Kertas digunakan untuk mencipta 'bilik flip' dengan cara melipatnya. Pelajar akan dibimbing melalui video rakaman tentang cara membuat 'bilik flip' tersebut. Blok 3D dan

aplikasi AR digunakan untuk membantu pelajar dalam memvisualisasikan objek. Strategi pembelajaran ini mempunyai potensi yang baik untuk membantu pelajar dalam melukis objek 3D.

Projek ini adalah hasil kajian Ts. Dr. Faridah Hanim Yahya, Ts. Dr. Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Pn. Zainonie Ma'arof, Dr. Aszunarni Ayob, Dr. Abussakir, Saudari Iffah Farzana Mohamad Rodi, Saudari Rabbiatul Umaira Ramli, Saudari Siti Nur Hazirah Mohtar Luddin, Saudara Muhamad Azim Baharudin dan Saudara Zahisham Yusof.

